

TARIKH : 20 JULAI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 31

Inflasi boleh dikawal, diimbangi oleh subsidi

Inflasi boleh dikawal, diimbangi oleh subsidi

Kadar inflasi di Malaysia rendah dan masih boleh diurus berbanding negara lain seperti Amerika Syarikat

KUALA LUMPUR

Malaysia adalah antara kelompok negara-negara ASEAN yang mencatat kadar inflasi rendah dan boleh diurus berbanding negara lain seperti Amerika Syarikat yang melonjak ke paras baharu 9.1 peratus pada Jun 2022, manakala Turkiye meningkat hampir 80 peratus pada bulan lepas.

Bekas Ketua Ahli Ekonomi Alliance Bank Malaysia Bhd, Manokaran Mottain berkata, kumpulan barangan yang digunakan bagi mengukur inflasi termasuk barangan kawalan yang turut membantu dari segi penurunan kadar inflasi, susulan pemberian subsidi oleh kerajaan terutama bagi minyak serta makanan yang dilaksanakan di negara ini.

Malah, beliau turut memuji inisiatif kerajaan yang bertindak memperuntukkan bahagian subsidi lebih besar berbanding tahun-tahun sebelum ini dengan jumlahnya mencecah RM20 bilion hingga RM30 bilion.

"Peruntukan itu agak wajar, namun pelaksanaannya perlu dilakukan dengan teliti bagi mengelak berlaku sebarang ketirisan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada 25 Jun lepas, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berkata, jumlah subsidi



MANOKARAN

“

Sebagai contoh, subsidi bahan api RON95 disediakan untuk rakyat Malaysia dan RON97 bagi rakyat Malaysia dan bukan warganegara. Namun, apakah kita benar-benar dapat memantau pelaksanaannya? Inilah yang masih menjadi persoalan.”

RM77.3 bilion itu meliputi petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) yang berjumlah RM37.3 bilion, manakala minyak masak (RM4 bilion) dan pelbagai bentuk bantuan termasuk Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) sebanyak RM11.7 bilion dan subsidi lain berjumlah RM14.6 bilion.

Sementara itu, Manokaran berkata, kumpulan barangan yang digunakan bagi mengukur inflasi perlu dikemas kini berdasarkan aliran perbelanjaan semasa, manakala kewajaran keperluan pula perlu disemak semula.

Jelasnya, walaupun subsidi membantu dari segi mengawal kadar inflasi, kerajaan juga sewajarnya melaksanakan subsidi bersasar, terutamanya bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah.

"Kadar inflasi boleh dikawal dan berada di paras rendah sekiranya kita benar-benar dapat memantau pelaksanaan subsidi yang disediakan.

"Sebagai contoh, subsidi bahan api RON95 disediakan untuk rakyat Malaysia dan RON97 bagi rakyat Malaysia dan bukan warganegara. Namun, apakah kita benar-benar dapat memantau pelaksanaannya?

Inilah yang masih menjadi persoalan," katanya.

Laporan media antarabangsa menunjukkan empat negara ASEAN telah mencatat peningkatan inflasi yang ketara setakat April lepas termasuk Indonesia (149 peratus), Singapura (161 peratus), Laos (206 peratus) dan Thailand (267 peratus).

Bagaimanapun, kadar inflasi susut di Malaysia dan keadaan itu sebaliknya hampir tidak berubah di Filipina dan Vietnam.

Data Jabatan Perangkaan Malaysia pula menunjukkan Indeks Harga Pengguna Malaysia meningkat 2.8 peratus tahun ke tahun kepada 126.6 pada Mei 2022 daripada 123.1 pada tempoh sama tahun lepas.

Menurut jabatan itu, kenaikan tersebut melepasi purata inflasi bagi tempoh Januari 2011- Mei 2022 (1.9 peratus).

Pada masa sama, Manokaran turut menegaskan bahawa usaha kerajaan dalam pelaksanaan dasar atau inisiatif berkaitan bagi mengekang kenaikan kadar inflasi adalah penting bagi memastikan peratusan berkenaan di tahap yang boleh diurus. - Bernama